

Pesta Buku Borneo perlu diperluas

► Setaraf Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

UB 10.10.2018 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

PENGANJURAN Pesta Buku Borneo perlu lebih diperluaskan pada masa akan datang setaraf dengan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.

Menteri Pelajaran dan Inovasi Datuk Dr. Yusof Yacob berkata, pesta buku yang sering diadakan di Kota Kinabalu setiap tahun masih dalam skala kecil dan bersifat ‘ad-hoc’ (bergantung pada iklan).

Menurutnya, tidak keterlaluan jika Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur dijadikan contoh atau penanda aras dan hala tuju dalam menganjurkan Pesta Buku Borneo.

“Pada peringkat kebangsaan juga, kita ada beberapa anugerah buku contohnya Anugerah Buku Kebangsaan dan Anugerah Buku Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (Mapim).

“Saya menyarankan agar pihak pengajar memikirkan secara serius idea untuk mewujudkan Anugerah Buku Borneo sebagai pengisian utama Pesta Buku Borneo pada masa akan datang.

“Diharap cadangan ini dapat direalisasikan pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) agar menjadi kenyataan,” katanya.

Beliau berkata demikian sempena Majlis Perasmian dan Penutupan Pesta Buku



JENIFER memalu gong sempena Majlis Perasmian Penutupan Pesta Buku Borneo 2018.

Borneo 2018 Kali Keempat di sini pada Selasa. Teks ucapan beliau dibacakan oleh pembantunya Jenifer Lasimbang.

Yusof berkata, Pesta Buku Borneo yang bertemakan ‘Membaca Citra Masyarakat Intelek’ mampu menjadi penyumbang utama ke arah pencapaian objektif Dasar Buku Negara.

“Inilah peranan industri penerbitan buku untuk menyediakan buku-buku yang berkualiti tinggi kepada pembaca atau pengguna.

“Melalui pembacaan buku, minda kita dididik ke arah kemajuan bangsa

dan negara,” jelasnya. Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, sebanyak 50 gerai pameran disediakan sempena Pesta Buku Borneo tahun ini.

Katanya, ia disertai oleh penerbit-penerbit universiti dibawah Mapim, agensi kerajaan, dan juga penerbit swasta.

“Penganjuran kali ini diteraju syarikat Sandapak Enterprise yang berkecimpung dalam industri penerbitan buku di negeri ini.

“Ia bertujuan mempromosi, menggalak dan menggiatkan lagi

budaya membaca, selaras dengan Kempen Malaysia Membaca yang dicetuskan oleh Menteri Pendidikan Dr. Maszlee Malik.

“Usaha ini memberikan lebih banyak pendedahan dan pilihan kepada pengunjung untuk membeli bahan-bahan bacaan,” katanya.

Salah seorang pengunjung Nur Faizathul Anis Mailin, 15, begitu gembira kerana berpeluang mengunjungi Pesta Buku Borneo buat pertama kalinya.

Pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Limauan Kimanis ini meminati buku-buku dari genre thriller, seram dan juga cinta.

Katanya, selain dapat



PELAJAR sekolah turut terlibat dalam aktiviti yang diadakan sepanjang pesta buku berlangsung.



PENGUNJUNG dari SMKA Limauan Kimanis berpeluang meninjau pelbagai jenis buku di Pesta Buku Borneo.



NUR FAIZATHUL (kanan), NURUL NAJLA (dua kanan) bersama rakan yang lain gembira dapat mengunjungi Pesta Buku Borneo.



melihat pelbagai jenis buku, mengunjungi pesta buku juga peluang kepada golongan pelajar untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang bermanfaat.

Bagi Nurul Najla Erwan, 15, banyak koleksi buku yang menarik boleh diperolehi di Pesta Buku Borneo.

Beliau yang juga rakan kepada Nur Faizathul turut gemar mengumpul koleksi buku dari genre ilmiah dan motivasi.

Justeru katanya, apabila berpeluang datang ke pesta buku, ia adalah kesempatan yang baik untuk menambah koleksi buku sedia ada.

PELBAGAI genre buku disediakan untuk pilihan para pengunjung.